

# Saintis Muda

**Bersempena dengan Pameran Reka Cipta, Penyelidikan dan Inovasi (PRPI) Malaysia 2012 anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM)**

Oleh Khairunnisa Kamarudin  
khairunnisa@bharian.com.my

↳ Serdang

**M**atlamat melahirkan generasi baru yang lebih kreatif dalam bidang inovasi dan reka cipta dizahirkan dalam Pameran Reka cipta, Penyelidikan dan Inovasi (PRPI) Malaysia 2012 anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini baru-baru ini.

Bertemakan Inovasi ke Arah Penciptaan Kekayaan dan Kesejahteraan Masyarakat, pameran itu turut memberi peluang kepada pelajar sekolah menengah menyertai Pertandingan Reka Cipta, Penyelidikan dan Inovasi bagi memupuk minat dalam bidang itu.

## PECUTAN SPM

Kuala Lumpur 6 - 7 Oktober memuatkan empat slot subjek Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Mathematics dan Sejarah

Keterangan lanjut hubungi Zainon Kadim (03-20569772), Norliza Abdullah (03-20569780) atau Qushairi (03-20569863)

# Kreativiti, imaginasi pelajar, membuahkkan hasil

Sharifah Hamizatul (kiri) dan Siti Syafiqah menunjukkan pingat emas masing-masing.



## • Dari muka 1

Seorang peserta, Sekolah Raja Perempuan Taayah, Ipoh, Perak, Mawaddah Munirah Mohd Fadzli, 16 berkata pertandingan itu mampu mendedahkan pelajar terutama mereka yang baru berkecimpung dalam bidang inovasi dan reka cipta untuk menghasilkan ciptaan terbaik.

“Sekolah kami menghantar dua kumpulan dengan dua



Muhammad Amirrul

ciptaan iaitu ‘Green Matbakh’ untuk menapis asap makanan dengan lebih berkesan dan juga ‘Nutty Notty’ untuk membuka tayar kenderaan.

“Kami berharap ciptaan kami iaitu ‘Green Matbakh’ ini dapat dikomersialkan dan digunakan oleh orang ramai. Pada masa sama dapat mengurangkan pencemaran udara menggunakan bahan yang murah,” katanya.

Bagi wakil Sekolah Menengah Vokasional Kuantan, Muhammad Amirrul Hafes Md Amin, 17 acara seumpama ini bukan saja memberi peluang kepada pelajar untuk menghasilkan produk baru menggunakan kreativiti masing-masing tetapi mengajar mereka mengenai semangat bekerja dalam kumpulan.

“Contohnya, kumpulan kami menghasilkan mesin mencuci kasut yang dinamakan ‘Show’, pada peringkat awal kami bekerjasama dalam mengumpul idea, menyusun kertas kerja, mencari bahan, membuat penyelidikan dan kemudiannya mencipta mesin.

“Setiap peringkat memerlukan banyak komitmen dan ke-

sabaran selain kreativiti yang tinggi oleh itu ia sedikit sebanyak memberi kami semangat untuk bekerja dalam pasukan dan bekerjasama antara satu sama lain bagi menghasilkan produk yang sudah dirancang,” katanya.

Pertandingan yang menerima 54 penyertaan daripada lebih 30 buah sekolah menengah seluruh negara itu me-



**Dari kiri,** Muhammad Hasif, Lokman dan Muhammad Amirrul menunjukkan ciptaan mereka Smart Shoe Washer (SHOW) bersempena dengan Pertandingan reka cipta penyelidikan dan inovasi (PRPI) sekolah Malaysia peringkat kebangsaan 2012 di UPM baru-baru ini.

nyaksikan daya imaginasi dan kreativiti tinggi pelajar dalam menghasilkan prototaip dan produk baru yang boleh dipasarkan bagi kegunaan pengguna pada masa akan datang.

Antara produk yang dihasilkan oleh peserta ialah ‘Tudung Saji Pemanas’, I Wuduk, Penganas Kepala Air, Dapur Kembara, Topi Keledar Pintar, Bumbung Getah (MIRRO) dan Penyapu Pintar.

**Wakil SMV Slim River,** Muhd Redzuan menunjukkan pingat emas bagi pertandingan Reka Cipta Penyelidikan dan Inovasi Sekolah Malaysia Peringkat Kebangsaan di Dewan Besar UPM.

# Reka cipta SMV Teluk Intan hebat

SMV (PERTANIAN)  
TELUK INTAN  
BERJAYA  
MENGHASILKAN  
'PEMANIS  
ALTERNATIF UNTUK  
PENGELUARAN  
MAKANAN'  
MENERUSI  
PENGERINGAN  
DAUN SERTA  
BUAH DARIPADA  
POKOK 'CURCOLIGO  
LATIFOLIA'

**S**ekolah Menengah Vokasional (Pertanian) Teluk Intan berjaya merangkul anugerah Pingat Emas dalam Pertandingan Reka Cipta, Penyelidikan dan Inovasi (PRPI) Malaysia 2012 anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) serta anugerah Nilai Komersial Terbaik sekali gus menerima anugerah Reka Cipta Keseluruhan Terbaik.

Encik Muhammad Azim Razali, 17, Muhammad Syafiq Mat Sahari, 17, dan Nurliyana Mohamad, 16; dibantu guru pembimbing, Mohd Rosnizam Mohd Yusoff berjaya menghasilkan 'Pemanis Alternatif Untuk Pengeluaran Makanan' menerusi pengeringan daun serta buah daripada pokok 'Curcoligo Latifolia'.

Mereka adalah antara 15 kumpulan yang berjaya men-



**SMV** (Pertanian) Teluk Intan, Muhammad Syafiq (kiri), Nurliyana Mohamad (tengah) dan Muhammad Azim bersama-sama bahan ciptaan mereka.

dapat anugerah Pingat Emas dalam pertandingan itu yang berlangsung pada 17 hingga 18 Julai lalu.

Sebuah lagi kumpulan daripada sekolah sama merangkul Anugerah Nilai Komersial Terbaik melalui reka cipta yang dinamakan 'Bio Fert Agrimo' manakala Sekolah Menengah Vokasional Slim River, Perak dianugerahkan Prototaip Terbaik menerusi ciptaan 'Bumbung Getah Campuran' (MIRRO).

Pertandingan terbabit yang diadakan bertujuan mencungkil bakat penyelidikan dan mengasah kreativiti serta daya inovasi pelajar sekolah menengah disertai oleh lebih 30 sekolah menengah seluruh negara dengan 54 penyertaan.